

Kadar baru tol minggu

BH

1 0 AUG 2000

Oleh Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Rabu - Kadar baru tol di Lebuhraya Seremban-Port Dickson dan Lebuhraya Butterworth-Kulim, akan diumumkan minggu depan setelah mesyuarat Kabinet hari ini bersetuju untuk menurunkannya.

Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, Kementerian akan mengemukakan syor kepada mesyuarat Kabinet Rabu depan bagi mendapat persetujuan mengenai kadar baru itu.

Saya sudah membangkitkan masalah ini kepada jemaah menteri hari ini yang bersetuju pada prin-

“
Penurunan kadar tol itu akan membabitkan bayaran pampasan deh kerajaan kepada syarikat pemegang konsesi
”

- Datuk Seri Samy Vellu

sipnya supaya (kadar) tol baru (yang diumumkan baru-baru ini) diturunkan.

“Saya diminta menghantar kertas kerja mengenai syor itu dan jumlah pampasan yang perlu kita tambahkan, untuk pertimbangan dan persetujuan Kabinet,” katanya kepada lawatan

anggota Kabinet ke Menara Kembar Petronas di sini.

Lawatan yang diketuai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, berlangsung kira-kira tiga jam.

Kementerian Kerja Raya sebelum ini mengumumkan bahawa pengguna di-

kenakan bayaran tol RM2.60 bagi penggunaan Lebuhraya Seremban-Port Dickson mulai 4 Ogos lalu, naik 50 sen berbanding kadar sebelumnya.

Pengguna lebuhraya Butterworth-Kulim pula, kini membayar tol berjumlah RM2.10 iaitu RM1.10 di plaza tol Butterworth dan RM1 di plaza tol Kulim.

Isu itu dibawa ke mesyuarat Kabinet hari ini berikutan aduan pengguna mengenai kadarnya yang dikatakan tinggi.

Samy Vellu berkata, tambahan 50 sen itu tidak boleh dihapuskan kerana su-

dah diputuskan oleh Kabinet sebelum ini tetapi ia akan diturunkan.

“Saya akan syorkan kepada Kabinet minggu depan, kadar (penurunan) yang lebih munasabah dan boleh diterima oleh rakyat jelata,” katanya.

Katanya, jika Kabinet bersetuju dengan kadar baru pada minggu depan, ia akan hanya dapat dikuatkuasakan kira-kira dua minggu kemudian kerana kadar baru itu perlu diwartakan terlebih dahulu.

Beliau berkata, penurunan kadar tol itu akan membabitkan bayaran

depan

pampasan oleh kerajaan kepada syarikat pemegang konsesi.

Misalnya, kata beliau, kerajaan pada masa ini membayar pampasan berjumlah RM1.2 juta kepada syarikat konsesi Lebuhraya Seremban-Port Dickson kerana tidak membenarkan kenaikan tol bagi lebuhraya itu pada 1 Jan lalu.

Samy Vellu berkata, pertimbangan untuk kajian semula kadar tol bagi kedua-dua lebuhraya itu juga mengambil kira masalah yang dihadapi syarikat pemegang konsesi terbabit.

Bercakap kepada pembedita pada majlis pelancaran buku *‘Not For Bread Alone’* karya Tan Sri Konosuke Matsuhita, dalam versi bahasa Tamil petang ini, Samy Vellu berkata, kerajaan perlu membayar kira-kira RM1.8 juta sekiranya kenaikan tol di Lebuhraya Seremban-Port Dickson dibatalkan.

“Tol kita boleh turun tetapi hapus tol pun berlaku juga di beberapa tempat.

Bila kita hapus tol... turun tol, semua dibayar oleh kerajaan, pada akhirnya kerajaan saja yang bayar,” katanya.